

**UCAPAN OLEH YB TUAN BARU BIAN  
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN PERSIMPANGAN BERTINGKAT  
BANDAR SERENIA**

**26 NOVEMBER 2018**

---

Yang Berbahagia Dato' Sri Zohari bin Akob,  
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya;

Yang Berbahagia Dato' Sr Aziz Abdullah,  
Ketua Pengarah, Lembaga Lebuhraya Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Sri Ir. Dr. Roslan Md. Taha,  
Ketua Pengarah Kerja Raya;

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Mohd Sheriff Mohd Kassim,  
Pengerusi PLUS Malaysia Berhad;

Yang Berbahagia Datuk Azman Ismail,  
Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad;

Yang dihormati Pengarah-pengarah dan wakil-wakil dari setiap Agensi  
Kerajaan;

Wakil-wakil dari setiap Syarikat Konsesi;

Pengamal-pengamal media;

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan puan-puan,

Salam sejahtera dan selamat tengahari,

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan PLUS di atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia di Lebuhraya ELITE pada hari ini. Saya pasti, Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia yang akan dibuka ini akan memberi pelbagai manfaat secara khusus kepada penduduk sekitarnya sepertimana persimpangan bertingkat yang lain sebelum ini. Saya difahamkan, persimpangan ini kelak akan memudahkan akses bagi pengguna sekitar Kota Warisan dan Dengkil serta turut menjadi alternatif kepada Persimpangan Bertingkat KLIA untuk ke kawasan yang berdekatan dengan lebih cepat dan menjimatkan masa.
2. Pembukaan persimpangan ini juga dilihat mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan bagi kawasan Dengkil, Kota Warisan, Bandar Serenia, Ampar Tenang dan sekitarnya. Syabas saya ucapkan kepada pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia dan juga PLUS.
3. Di samping itu, saya difahamkan bahawa Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia ini adalah merupakan persimpangan bertingkat yang ditangguhkan pembinaannya (*deferred interchange*) sepertimana termaktub di dalam Perjanjian Konsesi (CA) Lebuhraya ELITE. Pelaksanaannya yang mengikut jadual menunjukkan komitmen dan

pematuhan kepada obligasi sepertimana yang telah dimeterai antara pihak Kerajaan dan juga swasta.

4. Selain itu, Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia ini juga merupakan projek pembinaan lebuhraya perintis yang melaksanakan penilaian QLASSIC merangkumi *Quality Assessment System For Building Construction Works* (CIS 7:2014) dengan pencapaian sebanyak 73% dan juga *Quality Assessment System For Completed Road Works* (CIS 19:2011) dengan pencapaian sebanyak 88%. Kedua-dua penilaian yang berada dalam kategori BAIK tersebut dijalankan dengan kerjasama antara pihak LLM, PLUS dan juga CIDB. Syabas sekali lagi kepada pihak LLM dan PLUS.

## **IMPAK INDUSTRI LEBUHRAYA**

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan

5. Sesungguhnya sumbangan oleh industri lebuhraya adalah sangat besar ke atas pembangunan di negara ini. Kesan kewujudan jaringan lebuhraya menyaksikan negara kita telah berjaya mengecapi pembangunan sepertimana yang kita lihat pada hari ini. Sebagai contoh, kesan daripada kewujudan Lebuhraya Utara Selatan, pusat-pusat perindustrian baru telah tumbuh di Senawang, Tanjung Malim, Nilai, Ayer Keroh, Gurun, Sungai Petani, Kulim, Juru, Rawang, Bangi dan lain-lain. Perkara ini seterusnya membuka peluang pekerjaan untuk rakyat di kawasan-kawasan terbabit.
6. Bukan itu sahaja, pembinaan Lebuhraya Utara Selatan turut membangunkan bandar baru seperti Sungai Buloh, Seremban 2, Nilai, Pagoh dan lain-lain lagi. Ini membuktikan persimpangan bertingkat yang

disediakan di sepanjang jajaran lebuh raya mampu menjadi pemangkin kepada pembangunan kawasan sekitar. Justeru, saya yakin pembukaan Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia akan dapat menggiatkan lagi pembangunan di kawasan yang berdekatan serta muncul sebagai kawasan penempatan utama di jajaran ELITE memandangkan kedudukannya yang amat strategik.

7. Sesungguhnya, jajaran lebuh raya yang strategik menyumbang kepada perkembangan industri logistik di Malaysia dengan menghubungkan pelabuhan, lapangan terbang serta kawasan perindustrian secara terus. Lebuhraya Utara-Selatan adalah contoh yang jelas. Tidak dinafikan bahawa ia adalah legasi daripada cetusan idea YAB Perdana Menteri dengan mewujudkan Lebuhraya Utara Selatan demi memacu pembangunan ekonomi Negara.

## **PENYELENGGARAAN ASET LEBUH RAYA**

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan

8. Projek pembangunan infrastruktur dan fasiliti rakyat sememangnya memerlukan belanja yang amat besar. Kemudahan yang dibina memerlukan peruntukan bukan sahaja dalam aspek pembinaan, malah yang paling utama adalah dalam aspek penyelenggaraan agar rakyat dapat menggunakannya dengan selamat dan selesa. Umum mengetahui bahawa syarikat konsesi mengeluarkan belanja yang besar setiap tahun untuk menyelenggara dan menjalankan operasi lebuh raya demi keselamatan dan keselesaan pengguna.

9. Kerja-kerja penyelenggaraan tidak hanya terhad kepada turapan jalan sahaja sepertimana yang biasa kita lihat. Malahan ia turut merangkumi aset-aset lain seperti cerun, sistem perparitan, aspek mekanikal dan elektrik, bangunan, landskap, peralatan keselamatan, papantanda, lampu jalan, kawasan rehat dan lain-lain.
10. Di kesempatan ini, saya ingin membuat teguran kepada semua konsesi terutamanya pihak PLUS agar mengambil tindakan serius di dalam memastikan aspek penyelenggaraan lebuhraya berada dalam keadaan yang terbaik. Hak pengguna untuk menikmati lebuhraya yang selesa dan selamat tidak boleh dinafikan dengan mengurangkan atau meminimumkan tahap penyelenggaraan. Sepanjang perjalanan menggunakan Lebuhraya PLUS sewajarnya menampilkan satu standard penyelenggaraan yang sama dan seragam tanpa sebarang kompromi.
11. Moto 'Aset kita tanggungjawab kita' hendaklah dipraktikkan dengan sebaik mungkin di dalam menyelenggara aset lebuhraya. Matlamat utama untuk menjadikan lebuhraya Malaysia bertaraf dunia hendaklah merangkumi semua elemen pengurusan dan kejuruteraan termasuklah aspek penyelenggaraan. Ke arah tersebut, peningkatan tahap penyelenggaraan amatlah diharapkan.

## **ASPEK KESELESAAN DAN KEPUASAN PENGGUNA**

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan

12. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk memberi penekanan terhadap aspek keselesaan serta kepuasan pengguna lebuhraya secara keseluruhan.

13. Syarikat konsesi perlu memahami bahawa keperluan serta kehendak pengguna pada masa kini telah berubah daripada 20 atau 30 tahun yang lalu. Mereka bukan sahaja mahu tiba ke destinasi dengan selamat dan cepat, tetapi mereka juga inginkan satu perjalanan yang dapat memberikan mereka pengalaman baru serta mempunyai nilai tambah.
14. Saya juga difahamkan bahawa pihak PLUS sudah mula mengatur langkah untuk mempelbagaikan pilihan makanan dan menaiktaraf beberapa kawasan rehat dan rawat (R&R) dalam menepati citarasa pengguna lebuhraya masa kini. Menerusi inisiatif ini, pengguna lebuhraya mempunyai lebih banyak pilihan makanan apabila singgah di R&R dalam suasana yang lebih santai, *trendy* dan selesa.
15. Namun begitu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan PLUS supaya tidak melupakan objektif asal penyediaan gerai jualan di kawasan R&R lebuhraya yang bertujuan memberi peluang kepada rakyat untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka. Objektif tersebut tidak pernah berubah dan pihak PLUS hendaklah memastikan penyediaan peluang tersebut kepada peniaga kecil yang tinggal berhampiran R&R untuk terus berniaga di kawasan R&R walaupun PLUS telah membuka pintu untuk jenama besar industri makanan.

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan

16. Saya juga ingin menyarankan agar syarikat konsesi turut memberi perhatian yang lebih serius terhadap '*Added Value Services*' atau perkhidmatan yang memberikan nilai tambah. Pada masa kini, sesetengah

'*Added Value Services*' bukan hanya boleh dianggap sebagai '*Nice to have*' kerana ia sudah menjadi perkara yang wajib disediakan.

17. Penggunaan teknologi terkini selaras dengan Revolusi Industri 4.0 memainkan peranan yang sangat penting dalam memberi maklumat kepada pengguna. Aplikasi sistem pengurusan trafik, penggunaan *Intelligence Traffic System* (ITS), papan tanda elektronik, sistem pemantauan cerun, sistem pengurusan data, aplikasi navigasi pintar yang pelbagai, CCTV dan *global positioning system* (GPS) seharusnya menjadi satu medium yang lebih efektif dalam mengurangkan kesesakan di sepanjang lebuh raya.
18. Penggunaan elemen Revolusi Industri 4.0 seharusnya membawa penambahbaikan yang memberi impak positif kepada pengguna dalam menangani kesesakan di lebuh raya dan bukannya kembali ke belakang. Sesungguhnya kesesakan yang berlaku tanpa kita tahu puncanya adalah perkara yang tidak boleh diterima sama sekali bagi mana-mana lebuh raya kerana ia menidakkan ruang kepada pengguna untuk mendapatkan alternatif.
19. Untuk itu, hebahan maklumat trafik terkini oleh pihak konsesi hendaklah cepat dan tepat. Pengguna perlu sentiasa dibekalkan dengan maklumat trafik terkini supaya mereka dapat merancang perjalanan dengan lebih efektif. Selain paparan maklumat secara fizikal di papantanda elektronik dan siaran radio, penggunaan aplikasi pintar hendaklah dioptimalkan agar maklumat atau notifikasi trafik dapat disalurkan kepada pengguna secara berterusan.

20. Kemudahan wi-fi di lebuh raya terutamanya di kawasan R&R juga perlu diberikan perhatian. Saya menggesa syarikat konsesi supaya mengkaji penyediaan perkhidmatan wi-fi secara percuma di semua R&R. Saya juga menggesa agar *automated external defibrillator* (AED) turut diberikan perhatian yang serius untuk dipasang di kawasan R&R. Saya difahamkan bahawa pihak LLM telah mengeluarkan arahan berhubung perkara tersebut, tahniah saya ucapkan kepada pihak LLM.

## **PENUTUP**

Tan Sri/Datuk Seri/Datuk/Tuan-tuan dan Puan-puan

21. Saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada LLM dan PLUS kerana berjaya merealisasikan pembukaan Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia. Ini membuktikan kerjasama di antara pihak Kerajaan dan Swasta mampu memberi manfaat kepada rakyat dan seterusnya mendokong aspirasi Kerajaan Malaysia Baharu.
22. Akhir kata, saya dengan sukacitanya merasmikan Persimpangan Bertingkat Bandar Serenia di Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE).

Sekian, terima kasih dan selamat maju jaya.